

Adi intai tiket Sukan SEA

Kuala Lumpur: Kejohanan Olahraga Terbuka Malaysia minggu depan menjadi medan terakhir atlet lontar peluru kebangsaan Adi Alifuddin Hussin meraih kelayakan secara merit ke Sukan SEA Singapura, Jun ini.

Walaupun meraih tempat kedua di Kejohanan Terbuka Filipina semalam, catatan jarak balingan 16.21m itu belum melepassi kelayakan ditetapkan, 17.10m.

“Saya tiada pilihan lain, perlu melakukan catatan balingan terbaik untuk layak secara merit di Sukan SEA nanti. Walaupun menduduki tempat kedua, saya tidak berpuas hati dengan jarak balingan itu.

“Kelajuan lontaran dan kekuatan kakinya memainkan peranan penting. Saya perlu memperbaiki teknik balingan. Saya akan balik ke Malaysia, Isnin ini, selepas itu sambung latihan seperti biasa di UPM (Universiti Putra Malaysia),” katanya, semalam.

Kejohanan Terbuka Malaysia akan diadakan di Bukit Jalil bermula 27 hingga 29 Mac ini.

Adi, 27, merupakan pemenang pingat perak Sukan SEA sebanyak tiga kali berturut-turut sejak 2009. Dia juga memegang rekod kebangsaan dengan catatan terbaik 17.53m ketika beraksi di Sukan SEA Palembang 2011.

Beliau turut berpendapat Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) perlu memberi peluang kepada atlet pelapis lontar peluru negara mendapat pendedahan di peringkat Asia Tenggara.

“Atlet pelapis yang ada sekarang perlu banyak belajar lagi, mereka perlu banyak pendedahan dan saingan. Atlet pelapis itu sendiri juga perlu berusaha

lebih gigih untuk meraih peluang bertanding di peringkat antarabangsa.

“Saya lihat negara lain sering membawa atlet pelapis mereka menyertai Kejohanan Terbuka di luar negara. Walaupun mereka tidak mendapat kedudukan terbaik tetapi mereka menimba pengalaman baru seperti teknik balingan,” katanya.

Selain Adi Alifuddin, turut cemerlang dalam acara lontar peluru ialah atlet paralimpik iaitu Muhamad Ziyad Zolkefli.

Antara atlet yang sudah melayakkan diri ke Sukan SEA secara merit ialah Iskandar Alwi (lompat bergalah); Muhamad Irfan Samsuddin dan Yap Jeng Tzen (lempar cakera); Nauraj Singh dan Muhamad Ashraf Saipu Rahman (lompat tinggi); Grace Wong dan Casier Renne Kelly Lee (baling tukul besi); Zaidatul Husniah (100m dan 200m); G. Aravinthevar (200m); Mohamad Arif Zulhilmi (400m) dan Noor Amira Mohamad Nafiah (lompat jauh). - BERNAMA